

# KTS sumbang dana penyelidikan

UB 27.4.2019 42

## ► Serah sebanyak RM15,464 dana sebagai permulaan kepada UMS

**KOTA KINABALU:** Tiga projek penyelidikan berimpak tinggi antara kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan KTS Plantation Sdn. Bhd. (KTSP) dilancarkan secara rasmi dengan sumbangan dana permulaan sebanyak RM15,464.

Danaini adalah bagaimana dua tahun pembentukan penyelidikan sebagai tambahan kepada sejumlah RM9,227 untuk pelbagai jenis penyelidikan.

Ini adalah selaras dengan Memorandum Perjanjian (MoA) yang ditandatangani pada 10 Julai tahun lepas

untuk pelaksanaan Projek Penyelidikan di Hutan Simpan Segaliud Lokan (SLFR).

Sumbangan dana ini juga bertepatan dengan jumlah yang sama dari UMS di bawah Skim Geran Persepadanan.

Tiga projek dengan anggaran kos RM211,095 dilaksanakan berdasarkan Skim Geran Penyelarasan Penyelidikan dan salah satu dari inisiatif yang dilaksanakan di bawah Memorandum Persefahaman Tri-parti (MoU) antara Jabatan Perhutanan Sabah, UMS dan KTS.

MoU ini ditandatangani pada November 2016 yang dimulakan oleh Dato Henry

LauLee Kong selaku Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat KTS melalui Surat Hasrat (LoI) pada bulan November 2015.

Projek Penyelidikan ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun dan memberi tumpuan kepada tiga projek penyelidikan terpilih yang diberi keutamaan berdasarkan keperluan industri, merangkumi aspek Pengurusan Hidupan Liar, Amalan Rehabilitasi Hutan dan Potensi Pelancongan Alam Sekitar Hutan Simpan Segaliud Lokan.

Penyelidikan akan diketuai oleh Profesor Dr. Baba Musta



**PENYERAHAN** dana projek oleh Collin kepada Timbalan Dekan FSSA UMS Dr. Mohd Sani Bin Sarjadi, sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Konservator Hutan Frederick Kugan.

dari Fakulti Sains dan Sumber Asli (FSSA) UMS, manakala kolaborator tempatan diketuai oleh Collin Goh selaku Institut Pembelajaran dan Penyelidikan (UMS) dan Industri (KTS Plantation

Usaha ini adalah pendekatan Perkongsian Pintar yang diterima pakai oleh Institut Pembelajaran dan Penyelidikan (UMS) dan Industri (KTS Plantation

Sdn Bhd) untuk manfaat bersama.

Ia juga selaras dengan dasar pelancaran dan pembangunan hutan Sabah 2018 yang baharu, Pengkomersian dan Inovasi

(RDC & I) dalam usaha menyokong pengurusan hutan yang dilancarkan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pada 3 Disember 2018.